



Terma Dan Syarat Kempen #SedondonMuamalat

Kempen #SedondonMuamalat adalah satu pertandingan Media Sosial yang dianjurkan oleh Bank Muamalat Malaysia Berhad (6175-W) (“BMMB”) bertujuan untuk meningkatkan pengikut ('followers') BMMB di media sosial; dan ianya terbuka kepada semua rakyat Malaysia.

1. OBJEKTIF PERTANDINGAN

- i. Meningkatkan pengikut ('followers') Twitter, Facebook dan Instagram BMMB di media sosial.
- ii. Untuk bersama meraikan semangat perayaan Hari Raya.

2. SYARAT PERTANDINGAN

- i. Penyertaan adalah percuma dan terbuka kepada semua **rakyat Malaysia** berumur 15 – 80 tahun yang bermastautin di Malaysia (termasuk bukan pemastautin).
- ii. Pertandingan akan bermula dari 18 Jun 2018 sehingga 6 Julai 2018 (3 minggu). Walaubagaimanapun, pengajur berhak menukar atau memindahkan tarikh dan tempoh Pertandingan ini sekiranya perlu.

3. MEKANISMA PERTANDINGAN

- i. Peserta perlulah **mengikuti laman sosial rasmi** BMMB, di Facebook (Bank Muamalat Malaysia Berhad), Instagram (mybankmuamalat) dan Twitter (@mybankmuamalat)
- ii. Peserta perlu memuat naik gambar baju raya dengan warna sedondon bersama keluarga atau pasangan dengan ‘Hashtag’ #SedondonMuamalat #MyBankMuamalat di platform Facebook, Instagram atau Twitter mereka.
- iii. Bilangan minima orang didalam satu (1) gambar yang dimuat naik adalah dua (2) orang.
- iv. Peserta perlu menetapkan akaun media sosial mereka dalam tetapan ‘public’
- v. 10 peserta bertuah yang mempunyai akaun simpanan bersama Bank Muamalat Malaysia Berhad akan dipilih sebagai pemenang dan layak memenangi hadiah berjumlah tiga ratus ringgit (RM300)

4. METODOLOGI PENILAIAN

- i. Mana-mana peserta yang memuat naik gambar baju raya sedondon mereka bersama pasangan atau keluarga dengan menggunakan ‘Hashtag’ #SedondonMuamalat #MyBankMuamalat akan secara automatik layak untuk menyertai Pertandingan ini.
- ii. Penilaian akan dijalankan mengikut kriteria yang perlu dipatuhi seperti di bawah:
 - a. Mengikuti salah satu laman sosial rasmi BMMB (Facebook, Instagram & Twitter).
 - b. Memuat naik gambar baju raya warna sedondon bersama keluarga atau pasangan (minima dua orang dalam satu gambar)
 - c. Mempunyai akaun simpanan bersama Bank Muamalat Malaysia Berhad.
 - d. Gambar yang dimuat naik perlulah patuh syariah, menutup aurat dan tidak melakukan aksi-aksi yang tidak keterlaluan

5. HADIAH

- i. 10 pemenang bertuah yang memenuhi kriteria layak memenangi tiga ratus ringgit (RM300) dan akan dikreditkan ke akaun simpanan Bank Muamalat masing-masing.
- ii. BMMB berhak untuk menggantikan hadiah tersebut dengan mana-mana hadiah yang mempunyai nilai yang sama jika diperlukan tanpa memberi makluman terlebih dahulu kepada pemenang.
- iii. Pengumuman pemenang akan dilakukan seminggu selepas tamat kempen melalui media sosial Bank Muamalat Malaysia Berhad.

6. SYARAT-SYARAT LAIN

- i. Dengan menyertai pertandingan ini, peserta dianggap telah membaca dan memahami serta bersetuju untuk terikat dengan terma dan syarat pertandingan yang telah ditetapkan.
- ii. Terma dan syarat ini akan dipamerkan dan dimuatnaik di laman sosial Bank Muamalat iaitu Facebook (Bank Muamalat Malaysia Berhad) Instagram dan Twitter (@mybankmuamalat)
- iii. BMMB juga mempunyai hak dari semasa ke semasa sebagaimana yang difikirkannya patut untuk mengubah, menambah, memadam, meminda, mengubahsuai dan/atau mengubah mana-mana Terma dan Syarat ini dengan memberikan sekurang-kurangnya minimum lima (5) hari notis terdahulu dan notis akan disiarkan di laman web BMMB di www.muamalat.com.my atau melalui Faceboook, Twitter dan Instagram BMMB atau dengan cara lain yang dianggap sesuai oleh BMMB.
- iv. Pelanggan yang menyertai Pertandingan ini dianggap telah mengakses laman web BMMB dan mempunyai pengetahuan mengenainya dan telah bersetuju dengan sebarang



perubahan atau perubahan kepada Terma dan Syarat ini. Pelanggan bersetuju bahawa penyertaan mereka yang berterusan dalam Pertandingan ini akan menjadi penerimaan mereka terhadap Terma dan Syarat ini (yang berubah atau diubah).

- v. Terma & Syarat ini ditadbir oleh dan ditafsirkan di bawah undang-undang Malaysia.
- vi. Terma & Syarat ini termasuk hak budi bicara dan/atau kuasa yang diberikan kepada mana-mana pihak di bawah dokumen ini adalah tertakluk kepada prinsip-prinsip Syariah.